"Manakala sektor industri pula, kadar elektrifikasi sekitar 13 peratus berbanding sekitar 35 peratus kadar di negara OECD, maknanya peluang hampir tiga kali ganda bagi pembekalan elektrik dalam industri di Malaysia."

"Sektor bangunan turut menjadi pengguna tenaga terbesar Malaysia iaitu 14 peratus, namun jika dibandingkan kadar elektrifikasi dengan negara OECD sebenarnya kita lebih tinggi iaitu 18 peratus bagi Malaysia berbanding 13 peratus negara OECD kerana Malaysia menggunakan tenaga elektrik yang tinggi untuk pendingin hawa," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, prospek penggunaan tenaga bagi pengangkutan pada masa depan juga memerlukan mempertimbangan penyelesaian penggunaan elektrik berbanding menggunakan bahan api.

Katanya, negara perlu merebut peluang peralihan kepada teknologi berasaskan elektrik berbanding perkakasan tradisional bahan api kerana teknologi berasaskan elektrik adalah penyelesaian terbaik yang meningkatkan kecekapan tenaga.

"Apabila kita melalui peralihan ini, saya percaya ia akan mewujudkan pemangkin dalam ekonomi khususnya membantu Malaysia beralih kepada teknologi lebih maju, berskala besar dan bernilai tinggi sebagai sumbangan kepada pembangunan ekonomi."



Wan Zulkiflee (dua dari kiri) dan Bee Yin pada Sidang Meja Bulat Tenaga Malaysia bertajuk 'Membentuk Landskap Masa Depan Tenaga Malaysia' di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Sathani Ibrahim/BH)

PETRONAS tinjau pelaburan tenaga boleh diperbaharui

Syarikat pertimbang pembabitan dalam skala komersial

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Che Wan Badrul Alias bbbiz@nstp.com.my

PETRONAS sedang mempertimbangkan pelaburan berdaya maju dalam tenaga boleh diperbaharui seperti solar, angin dan biomas pada skala komersial, demikian kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin.

Beliau berkata, penerokaan dalam tenaga boleh diperbaharui itu adalah usaha syarikat minyak dan gas nasional berkenaan dalam memenuhi per-

mintaan sumber tenaga mapan pada masa depan.

Katanya, penerokaan baharu itu juga akan menyokong inisiatif kerajaan untuk mengurangkan pelepasan karbon dan mencapai status ekonomi rendah karbon menjelang 2050.

"Bagi tempoh jangka masa pendek dan sederhana, kami bulis terhadap minyak dan gas terutama gas. Minyak dan gas akan terus kekal sebagai perniagaan teras kami sejajar dengan dominasi berterusan minyak dan gas dalam campuran tenaga utama."

"PETRONAS juga mengambil langkah menerokai bidang pertumbuhan baharu yang melangkaui minyak dan gas konvensional."

"Dengan permintaan terhadap lebih banyak sumber tenaga mapan, kami sedang mempertimbangkan pelaburan berdaya maju dalam tenaga boleh diperbaharui iaitu solar, angin dan biomas pada skala komersial," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sidang Meja Bulat Tenaga Malaysia bertajuk 'Membentuk Landskap Masa Depan Tenaga Malaysia' anjuran bersama World Economic Forum, di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas mengenai kadar pelaburan dalam segmen tenaga boleh diperbaharui itu, Wan Zulkiflee menjelaskan, PETRONAS akan menyesuaikan pelaburan dalam sumber tenaga alternatif itu mengikut keadaan bagi memastikan ia tidak jejas kedudukan pulangan kewangannya.

Beliau berkata, pelaburan dalam segmen tenaga boleh diperbaharui adalah untuk masa depan dan adalah penting untuk memulakan pembangunan kemampuan dan set kemahiran dalam segmen itu sekarang.

"Bagi PETRONAS, kami tidak mahu terkehadapan kerana jika terlalu terkehadapan, kami perlu melabur lebih banyak dalam tenaga boleh diperbaharui yang mana ia boleh menjejaskan

kan pulangan kewangan.

"Apa yang penting adalah kami melabur mengikut keadaan pada kadar yang sesuai. Bagaimanapun, jika perangkaan menunjukkan sebaliknya untuk tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, sudah pasti, kami akan mengubah dengan sewajarnya," katanya.

Sementara itu, Wan Zulkiflee berkata, dalam memenuhi peningkatan permintaan tenaga, PETRONAS melaksanakan banyak pelaburan tenaga dengan dipacu oleh strategi serampangan tiga mata bagi membangunkan campuran tenaga yang seimbang secara berkeselamatan terhadap keselamatan, kemampuan dan kemampuan bekalan tenaga.

Beliau berkata, syarikat minyak dan gas nasional itu sudah memperuntukkan RM30 bilion untuk aktiviti hulu tahun ini dengan separtuh daripadanya adalah untuk pelaburan domestik bagi memastikan tidak ada gangguan terhadap bekalan tenaga.

Kabel dasar laut hubungkan Singapura

Kerjasama ASEAN Power Grid (APG) bakal memasuki fasa kedua apabila Malaysia kini dalam proses pemasangan kabel dasar laut bagi menghubungkan Singapura kepada sistem grid tenaga serantau itu.

Ketika ini, kerjasama rangkaian pembekalan elektrik saling berhubung pelbagai hala itu hanya membabitkan Laos, Thailand dan Malaysia bagi fasa pertama APG bertempoh dua tahun yang dimeterai secara bersama di Manila pada 2017.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, berkata perkembangan baharu itu menyaksikan empat negara akan berhubung secara terus sepanjang grid kuasa negara terbabit.

Katanya, untuk rantau itu te-

rus berkembang, negara anggota perlu menjamin sekuriti tenaga dengan menghubungkan grid kuasa masing-masing sebagai satu sistem supaya perbekalan lebih terjamin pada masa depan.

"Kami sudah ada perkembangan dan saya harap dapat mandatangani perjanjian baharu (lanjutan tempoh) dengan menteri (Laos, Thailand dan Malaysia) pada September berhubung grid itu dan tema pembekalan supaya kita ada sistem grid yang berfungsi jika terdapat keperluan untuk memindahkan elektrik kelak," katanya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Meja Bulat Tenaga Malaysia bertajuk 'Membentuk Landskap Masa Depan Tenaga Malaysia' anjuran bersama Forum Ekonomi Dunia (WEF), di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Bee Yin, berkata Malaysia tidak merancang memperkenalkan 'carbon pricing' dalam masa terdekat kepada peserta industri.

'Carbon pricing' lebih dikenali sebagai instrumen kos tambahan yang dikenakan kerajaan terhadap pembebasan karbon berlebihan yang dilakukan pengilang dan industri.

Katanya, pihaknya kini lebih menumpukan kepada galakan meningkatkan kecekapan penggunaan elektrik yang lebih bermanfaat memberikan penjimatan bil pengguna dan pada masa yang sama mencapai sasaran mengurangkan pembebasan karbon.

"Sebagai contoh lebih 50 peratus elektrik digunakan di Malaysia adalah daripada bangunan maka jika kita benar-benar

memfokuskan usaha meningkatkan kecekapan penggunaan elektrik yang lebih berimpak tanpa menyukarkan industri dengan perkara tidak munasabah.

"Esok kita juga akan membentangkan kertas di Parlimen bagi memberikan peluang kepada orang ramai membeli tenaga boleh diperbaharui yang mana ia akan dilaksanakan menerusi agenda hijau negara untuk mencapai reformasi industri pembekalan elektrik yang membabitkan dagangan tenaga hijau."

"Kita juga sedang merangka akta kecekapan dan pemuliharaan tenaga yang kini berada di peringkat akhir, saya harap draf terakhirnya dapat disediakan minggu depan dan akan dibentangkan di parlimen bermula tahun depan," katanya.

LAMPIRAN 15
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 18
TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

JAS Johor terus gempur kilang di Pasir Gudang

Pasir Gudang: Lapan lagi kilang di kawasan perindustrian di sini, digempur dalam operasi bersepadu, semalam menjadikan keseluruhan 237 premis diperiksa setakat ini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, berkata daripada lapan kilang diperiksa, dua kompaun dikeluarkan membabitkan kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sebuah kilang turut dikenakan notis oleh Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) kerana beroperasi tanpa lesen.

Operasi bermula jam 8.30 malam dan berakhir jam 1 pagi semalam membabitkan 97 anggota pelbagai agensi iaitu sembilan daripada JAS, MPPG (38), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (tiga), Jabatan Imigresen (38) dan Polis Diraja Malaysia (sembilan).

"Secara keseluruhannya sehingga jam 8.30 pagi tadi (semalam) 237 kilang diperiksa dan daripada jumlah itu 132 dikenakan



Wan Abdul Latiff Wan Jaafar

kompaun, 55 Notis Arahan dan 11 Perintah Tahan Operasi dikeluarkan selain tiga premis disyor tindakan mahkamah," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, BH melaporkan tiga kilang termasuk kilang kimia haram yang beroperasi di sini, akan diheret ke mahkamah kerana melakukan kesalahan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Wan Abdul Latiff berkata kesalahan tiga kilang itu dikesan ketika operasi bersepadu di ka-

wasan perindustrian berkenaan sejak hampir dua minggu lalu.

Katanya, pihaknya sedang menyiapkan kertas siasatan dan akan mendapatkan nasihat Penasihat Undang-Undang sebelum menyerahkannya kepada Timbalan Pendakwa Raya bagi tindakan pendakwaan menjelang akhir bulan ini.

Di Kota Kinabalu, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menggandakan penguatkuasaan bagi menangani masalah pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor.

Timbalan Menteri, Isnaraisah Munirah Majlis, berkata langkah itu membabitkan semua kilang termasuk 250 kilang berasaskan petrokimia dalam usaha mengenal pasti punca pencemaran.

"Kita masih mencari punca untuk Pasir Gudang. Bagi maksud itu, kita gandakan usaha untuk lebih banyak penguatkuasaan di Pasir Gudang.

"Di sana ada 2,005 kilang ter-



Isnaraisah Munirah merasmikan Simposium Bioteknologi Antarabangsa kali ke-6 di Kota Kinabalu, semalam. [Foto Malai Rosmah Tuah/BH]

masuk 250 berasaskan petrokimia. Jadi kita gandakan usaha untuk mengenal pasti punca," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Bioteknologi Keenam, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, semalam.

Isnaraisah Munirah berkata, pencemaran terkini di Pasir Gudang berbeza dengan apa yang

berlaku di Sungai Kim-Kim, memandang tiada punca jelas dikesan sebagai penyebab kejadian itu.

"Insiden gangguan kesihatan di Pasir Gudang dan pencemaran Sungai Kim Kim berbeza sebab di Sungai Kim Kim ia ada punca. Kita nampak orang buang sisa dan kita dapat kesannya.



LAMPIRAN 16
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 18
TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

'Pantau selalu sisa loji kumbahan'

Pengendali mesti pastikan buangan dilepas ke sungai ikut piawaian

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

Johor Bahru: Kerajaan negeri perlu melakukan pemantauan secara kerap semua sisa buangan Loji Rawatan Kumbahan (LRK) di Johor terutama yang dilepaskan ke saliran awam seperti yang berlaku di Sungai Danga, di sini baru-baru ini.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata pengendali loji sepatutnya bertanggungjawab memastikan sisa buangan yang dilepaskan memenuhi piawaian bagi memastikan kualiti air sungai bersih untuk hidupan akuatik.

Katanya, jika mahu memastikan kualiti air di mana-mana sungai termasuk Sungai Danga berada pada Kelas 2, segala sisa buangan yang dilepaskan mesti tidak mengubah kualiti air kepada lebih buruk.

"Jika kerajaan inginkan air Sungai Danga pada tahap Kelas 2, segala sisa buangan mestilah tidak merubah kualiti air kepada



Sungai Danga yang kotor serta berbau berhampiran Kampung Orang Asli Bakar Batu Perling, Johor Bahru.

[Foto fail]

lebih buruk dan air kumbahan sepatutnya dirawat sama ada secara kimia atau biologi. "Selepas sesuai dengan keadaan barulah boleh dilepaskan ke sungai, kemudian petunjuk biologi boleh digunakan sebagai piawai kualiti air.

"Pihak bertanggungjawab mestilah memantau kualiti air kumbahan sebelum dilepaskan ke sungai bagi memastikan ia menepati piawaian dan tidak me-

nimbulkan masalah pencemaran pada masa depan," katanya ketika dihubungi semalam.

Ahmad berkata, kempen 'Cintai Sungai Kita' dan pendidikan masyarakat perlu diteruskan selain pemantauan serta penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Minggu lalu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Datuk Amran A Rahman, dilaporkan berkata pihaknya di-

maklumkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyatakan pencemaran Sungai Danga berpunca daripada pelepasan akhir dua loji Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) di Taman Bukit Indah dan Taman Perling.

Hasil pemantauan menggunakan dron, didapati ada perubahan warna air sungai daripada coklat kepada hitam berhampiran loji IWK di Jalan Simbang 19 di sini.



kempen 'Cintai Sungai Kita' dan pendidikan masyarakat perlu diteruskan selain pemantauan serta penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Ahmad Ismail,
Presiden Persatuan
Pencinta Alam Malaysia

LAMPIRAN 17
 KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 16
 TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

Saintis berjaya bangunkan mekanisme elak jerebu

KUCHING - Malaysia dijangka dapat bebas daripada masalah jerebu berdasarkan teknik yang dibangunkan oleh sekumpulan saintis yang mampu meramal-kan pencemaran jerebu di rantau ini, kata seorang fellow Akademi Sains Malaysia (ASM), Datuk Dr. Abu Bakar Jaafar (**gambar kecil**).



Abu Bakar yang juga profesor daripada Universiti Teknologi Malaysia berkata, berdasarkan penemuan itu, para saintis termasuk pakar kajian iklim dapat menentu-

kan sifat dan tahap kesan jerebu.

Jelasnya, melalui pengetahuan terkini yang diperolehi daripada indeks Musim Sejuk Monson Asia Timur sebagai mekanisme ramalan, negara akan lebih bersedia menghadapi kejadian jerebu.

“Sebagai contoh, apabila terdapat perubahan besar dalam indeks bahagian standard atau indeks Musim Sejuk Monson Asia Timur menurun, kita akan dilanda jerebu seperti pada tahun 1997, 2000,

2003, 2004, 2005 dan kejadian jerebu yang terakhir pada 2015,” katanya pada sidang media selepas menghadiri bengkel dua hari mengenai jerebu dan pembakaran biomas di Asia di sini semalam.

Turut hadir pengarah Institut Penyelidikan Tanah Gambut Tropika Sarawak (TROPI) Sarawak, Dr. Lulie Melling dan pengarah program Institute for Applied Systems Analysis (IIASA) of Air Quality and Greenhouse Gases yang berpusat di Austria, Dr. Markus Amann.

Mengenai mekanisme untuk menangani jerebu, Abu Bakar berkata, ASM



MALAYSIA dijangka bebas masalah jerebu sekiranya mekanisme dibangunkan ASM dan TROPI diguna pakai. - Gambar hiasan

yang bekerjasama dengan TROPI telah menghasilkan strategi untuk membuat ramalan kualiti udara dan iklim, pengurusan kawasan gambut dan cara menukar bahan alur menjadi tenaga.

Jelas beliau lagi, dapatan daripada bengkel itu juga akan dikongsi dengan saintis dari seluruh dunia selain bekerjasama rapat dengan badan-badan antarabangsa seperti IIASA yang mempunyai pakar mengenai

pencemaran udara. Bagaimanapun, beliau berkata, cabaran terbesar adalah untuk menguruskan kawasan tanah gambut dengan efisien seperti di yang terdapat Sarawak apabila tidak ada sebarang titik panas yang dicatatkan semasa jerebu yang melanda negara dan rantau ini.

Disebabkan harga atau tarif yang rendah untuk menukar bahan alur kepada tenaga dan bukan membakarnya, beliau berkata, salah satu strategi adalah untuk mengubahnya menjadi methanol kerana nilai ekonominya yang lebih tinggi. - Bernama

LAMPIRAN 18
 KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 15
 TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

Banjir di Melaka kini pulih sepenuhnya

MELAKA - Keadaan banjir di Melaka pulih sepenuhnya apabila pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah Alor Gajah ditutup malam semalam.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Melaka, Leftenan Kolonel Effendy Ali berkata, PPS di Sekolah Kebangsaan Belimbing Dalam yang menempatkan 45 mangsa daripada enam keluarga itu ditutup pada pukul 8 malam.

"Kesemua mangsa yang ditempatkan di PPS berkenaan sejak Isnin lepas akibat banjir kilat telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Effendy yang juga Ketua Sekre-

tariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Melaka berkata, keadaan cuaca di seluruh negeri kini dilaporkan baik.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Durian Tunggal, Datuk Mohd. Sofi Abdul Wahab mencadangkan agar kerajaan negeri memberi penghargaan kepada sukarelawan yang terlibat dalam membantu mangsa banjir di negeri itu.

Beliau yang juga Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kemudahan Awam negeri berkata, ia sebagai menghargai bantuan ikhlas yang disalurkan oleh para sukarelawan dalam meringankan beban mangsa banjir.

"Segala jasa para sukarelawan ini

yang sanggup mencurah keringat dari pagi hingga malam tanpa mengharap apa-apa ganjaran dan bayaran perlu dihargai.

"Tanpa bantuan mereka, sudah pasti banyak kerja yang masih tidak mampu diselesaikan oleh pihak Jawatankuasa Penyelaras Dewan Undangan Negeri dan kerajaan negeri secara sendiri," katanya dalam kenyataan semalam.


Beliau berkata, kerjasama itu turut membuktikan bahawa kerajaan negeri mempunyai hubungan baik dengan badan bukan kerajaan yang banyak membantu kerajaan negeri dalam usaha melicinkan kerja-kerja membantu masyarakat. - Bernama



ROMZI OMAR (kanan) bersama isteri, Semahan Ishak mengeringkan perkakas elektrik selepas banjir yang melanda rumah mereka di Kampung Belimbing Dalam, Alor Gajah surut sepenuhnya semalam.

LAMPIRAN 19
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 35
TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

Pertimbang pelaburan dalam RE



Oleh NABILA YASMIN RAZIB
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 10 JULAI

SYARIKAT minyak dan gas (O&G) negara, Petrolim Nasional Bhd. (Petronas) sedang mempertimbangkan pelaburan berdaya maju dalam tenaga boleh diperbaharui (RE) seperti solar, angin dan biomas pada skala komersial.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin berkata, penerokaan baharu itu adalah usaha syarikat dalam memenuhi permintaan sumber tenaga yang mampan.

Katanya, penerokaan itu juga akan menyokong inisiatif kerajaan mengurangkan pelepasan karbon dan mencapai status ekonomi rendah karbon menjelang 2050.

"O&G akan terus kekal sebagai perniagaan teras kami sejajar dengan penguasaan bertetusan minyak dan gas dalam campuran tenaga utama.

"Petronas juga mengambil langkah untuk menerokai



WAN ZULKIFLEE WAN ARIFFIN

bidang pertumbuhan baharu melangkaui minyak dan gas konvensional," katanya dalam Sidang Meja Bulat Tenaga Malaysia anjuran bersama Forum Ekonomi Dunia di sini hari ini.

Yang turut hadir pada sidang bertemakan Membentuk Lanskap Masa Depan Tenaga Malaysia ialah Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin; Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Datuk Ir. Ahmad Fauzi Hasan; Ketua Pegawai Strategi dan Pengawalseliaan Tenaga Nasional Bhd. (TNB), Datuk Faziur Rahman Zainuddin dan Ketua Masa Depan Tenaga dan Bahan, Fo-

rum Ekonomi Dunia, Roberto Bocca.

Menurut Wan Zulkiflee, Petronas juga memperuntukkan RM30 bilion bagi aktiviti hulu tahun ini

dengan separuh daripada jumlah pelaburan itu adalah untuk pelaburan domestik bagi memastikan tiada gangguan terhadap bekalan tenaga.

Beliau turut menekankan, Petronas akan mengambil pendekatan sewajarnya terutama dalam segmen RE dan memastikan syarikat tidak terlalu terburu-buru membuat sebarang keputusan.

Katanya, dalam konteks ini, Petronas perlu menentukan pelaburan yang diperlukan supaya kewangan kumpulan tidak terjejas.

"Ini kerana pulangan daripada segmen RE tidak sama seperti pulangan dalam O&G konvensional," katanya.

Sementara itu, dalam majlis



berasingan sempena Persidangan Pengurusan Perniagaan Antarabangsa oleh Universiti Islam Antarabangsa, Wan Zulkiflee berkata, organisasi perlu mengguna pakai pelbagai strategi dalam

landskap perniagaan semasa dan pemimpin untuk tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

Jelasnya, ini ekoran perubahan pesat dalam dunia perniagaan hari ini dan organisasi tidak boleh hanya bergantung kepada satu strategi.

Beliau berkata, Petronas memberi tumpuan kepada Matlamat Pembangunan Mampan seperti alam sekitar, pendidikan serta kebajikan masyarakat.

"Setiap tahun kami menyediakan 330 biasiswa. Saya tidak fikir ada entiti tunggal lain yang berbuat seperti ini.

"Kami melaksanakannya semasa harga minyak pada AS\$100 (RM413.80) setong dan semasa harga pada AS\$30 (RM124.15)

INFO

PENGLIBATAN PETRONAS DALAM RE

- Bagi memenuhi permintaan sumber tenaga mampan
• Menyokong inisiatif kerajaan mengurangkan pelepasan karbon
• O&G kekal sebagai perniagaan teras
• Ambil pendekatan sewajarnya
• Peruntukan RM30 bilion untuk aktiviti hulu

setong. Saya membuat keputusan untuk tidak mengubah pelaburan jangka panjang ini," katanya.

"Inilah bidang yang kami perlu perhalusi dan menerusi yayasan kami, Yayasan Petronas, kami melibatkan diri dalam aktiviti tanggungjawab sosial korporat dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)," katanya.

LAMPIRAN 20
BERITA HARIAN (VARSITI): MUKA SURAT 12
TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

Inovasi tempurung kepala hibrid

PSI Hybrid Cranioplasty berikan implan bersaiz tepat, kesan estetik, jimat kos

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sekumpulan penyelidik dari Pusat Pengajian Sains Pergigian dan Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya menghasilkan produk inovasi implan tempurung kepala hibrid dengan saiz yang tepat bagi merawat pesakit yang mengalami kecederaan kepala kerana terabit dalam kemalangan.

Produk inovasi yang dikenali dengan nama *Patient Specific Implant (PSI) Hybrid Cranioplasty* itu menggunakan gabungan tempurung kepala asal yang tidak sempurna dan implan daripada bahan bio atau *alloplastic* berasaskan teknologi model 3D.

Ketua Penyelidik, Prof Madya Dr Dasmawati Mohamad yang mempunyai kepakaran dalam biobahan, berkata produk inovasi itu adalah hasil kerjasama pelbagai bidang disiplin iaitu pakar bedah neuro, Prof Dr Zamzuri



Dr Dasmawati, Prof Dr Zainul (kiri) menunjukkan implan tempurung kepala hibrid pada ITEX 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini.
(Foto Hafiz Sohaimi /BH)

Idris, Dr Low Peh Hueh dan Prof Dr Zainul Ahmad Rajion yang pakar dalam bidang pengimbasan oral maksilofasial serta beberapa lagi penyelidik dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Katanya, kebiasaannya pesakit yang terpaksa menjalani pembedahan membuang tempurung kepala (*craniectomy*) untuk sementara waktu, pembedahan rekonstruktif semula akan menggunakan tempurung kepala yang asal tetapi ia biasanya tidak sempurna.

"Penggantian dengan bahan

sintetik membabitkan kos yang tinggi dan tidak semestinya dapat ditanggung oleh pesakit.

"Bagi kes membabitkan kehilangan tulang yang kecil atau bersaiz sederhana, bahan sintetik boleh digabungkan dengan tulang asal ketika proses pembedahan tetapi kaedah ini kerap mengakibatkan anggaran saiz dan bentuk implan yang tidak tepat, sekaligus menyebabkan hasil kosmetik yang tidak memuaskan," katanya.

Beliau berkata, model implan hibrid yang dihasilkan menggunakan konsep imej pembalikan,

cetakan dan acuan 3D itu boleh menyediakan tempurung kepala pada saiz yang tepat untuk setiap pesakit.

"Kaedah terkini yang digunakan untuk memasang kembali tempurung kepala bergantung kepada kepakaran pakar bedah yang membuat tampalan menggunakan tangan tanpa acuan implan yang khusus untuk pesakit.

"Keadaan itu mungkin akan menyebabkan pemasangan kembali tempurung kepala pada saiz yang kurang tepat, sekaligus memberikan kesan estetik

yang tidak memuaskan terhadap bentuk tempurung dan kepala pesakit," katanya.

PSI Hybrid Cranioplasty bukan sahaja boleh memberikan kesan estetik yang lebih cantik kepada tempurung dan kepala pesakit tetapi ia juga mampu mengurangkan masa pembedahan dan menjimatkan kos.

Jika menggunakan kaedah implan konvensional, proses pembedahan mungkin mengambil masa selama empat jam tetapi dengan *PSI Hybrid Cranioplasty*, masa pembedahan boleh dijitamkan menjadi tiga jam saja.

Sehingga kini, seramai 13 pesakit di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) sudah menggunakan produk inovasi berkenaan dan selama enam bulan pemantauan dibuat, tiada sebarang jangkitan atau masalah dilaporkan.

Dr Dasmawati berkata, beliau kini dalam proses mendapatkan kerjasama dengan hospital kerajaan dan swasta untuk memasarkan *PSI Hybrid Cranioplasty* yang hanya membabitkan kos sebanyak RM3,000 hingga RM4,000.

"Implan ini bukan sahaja boleh memberikan nilai estetik yang lebih baik kepada tempurung dan kepala pesakit tetapi juga ditawarkan pada harga yang berpatutan berbanding implan yang terdapat di pasaran membabitkan kos antara RM10,000 hingga RM20,000 bergantung kepada jenis bahan yang digunakan," katanya.

LAMPIRAN 21
BERITA HARIAN (VARSITI): MUKA SURAT 12
TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

ErgoSpillBag tangani tumpahan bahan kimia dalam makmal

Kuala Lumpur: Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan *ErgoSpillBag* bagi membantu pengguna makmal menangani segera sebarang kecemasan tumpahan bahan kimia di dalam makmal.

Beg berkenaan mengandungi Kit Tumpahan Kimia dan mempunyai ciri-ciri yang lebih ringan, kecil, ergonomik serta boleh digantung pada dinding di dalam makmal.

Pegawai Sains FTeK yang juga Ketua Kumpulan KIK, Ikram Safiee, berkata kebiasaannya Kit Tumpahan Kimia yang ada di makmal FTeK diletakkan di dalam tong bersaiz besar, berat melebihi 30 kilogram, dalam bilik berkunci dan jauh dari makmal yang menggunakan bahan kimia.

Beliau berkata, susunan kit di dalam tong yang agak tidak sistematik juga menyukarkan

pengguna makmal sekiranya berlaku sebarang kecemasan tumpahan bahan kimia, sekaligus menyebabkan tindak balas yang lambat daripada pengguna makmal untuk mengendalikan kerja pembersihan.

Katanya, sehubungan itu, pihaknya membangunkan *ErgoSpillBag* yang direka mengikut spesifikasi ergonomik iaitu beg beroda, berat kira-kira tujuh kilogram, berpemegang boleh laras, mempunyai ruang sistematik untuk setiap kit, reka bentuk luaran beg yang tidak memiliki sudut dan sisi tajam serta dilengkapi dengan penyangkut supaya boleh digantung di dinding makmal.

"Tumpahan bahan kimia adalah satu insiden kecemasan yang besar kemungkinan akan berlaku di mana-mana makmal yang mengendalikan bahan kimia.

"Respons yang pantas daripada pengguna makmal untuk mengendalikan tumpahan amat

INFO

ERGOSPILLBAG

- ErgoSpillBag ialah beg beroda yang mengandungi kit tumpahan kimia yang boleh digunakan sekiranya berlaku sebarang kecemasan tumpahan kimia di dalam makmal

diperlukan bagi mengelakkan sebarang kesan terhadap kesihatan manusia," katanya.

Sementara itu, penyelaras kumpulan, Mimi Nabila Mohd Noordin, berkata projek itu dibangunkan untuk meningkatkan tahap keselamatan staf, pelajar dan sesiapa sahaja yang menggunakan bahan kimia di dalam makmal FTeK.

"Beg ini juga memudahkan



Sekumpulan penyelidik Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan UMP yang berjaya menghasilkan produk inovasi ErgoSpillBag.

pengguna makmal mengendalikan kerja pembersihan tumpahan bahan kimia dan meningkatkan kecekapan sistem Pelan Respons Kecemasan di makmal FTeK.

"Sekiranya berlaku tumpahan

bahan kimia di makmal, staf perlu mengambil *ErgoSpillbag* dan menggunakan kit mengikut susunan nombor penggunaan berdasarkan kepada manual yang terdapat di dalam beg berkenaan," katanya.

LAMPIRAN 22
BERITA HARIAN (VARSITI): MUKA SURAT 1
TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

UTM peneraju Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)

Didik masyarakat amal gaya hidup lestari, pacu gagasan mensejahterakan rakyat

Pendidikan Transnasional (TNE) sebagai akses pendidikan yang merentasi sempadan

Model New Academia Learning Innovation (NALI) bagi memenuhi keperluan pembelajaran yang melibatkan industri dan komuniti

Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan Universiti Teknologi Malaysia (UTMSPACE)

SDG 4 Pendidikan Berkualiti
Menyediakan akses pendidikan berkualiti yang terangkum & seksama serta menyediakan pendidikan untuk sepanjang hayat

SDG 11 Bandar & Komuniti yang Mampan
Menjadikan Bandar & Penempatan Manusia Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan & Lestari

SDG 12 Kolektiviti yang Memulakan Perubahan & Penggunaan
Menyediakan terbitan berorientasi penggunaan dan pengurangan

Penggunaan Tenaga Solar

- Perkongalan ilmu tentang solar kepada masyarakat
- Pelaksanaan Photovoltaic (PV) off grid untuk menjana tenaga solar kepada pelbagai fasiliti yang memerlukan tenaga elektrik

Kampus Pengurusan Sampah Efektif

- 200 tong kitar semula jadi seluruh kampus.
- Kitar semula sisa makanan dengan asaskan 300kg sisa makanan dijadikan baja kompos/baja organik 'waste to wealth'
- Lori kitar semula
- Inisiatif 5R (Refuse, Respect, Reduce, Recycle, Reuse)
- Single Stream Recycle (SSR) - Sistem Kitar Semula Tunggal

Kampus Sifar Sampah

- Kampan Kampus Tanpa Plastik Sekali-Guna Malah pengunaan plastik sekali-guna dalam kampus UTM dan menggalakan penggunaan bekas makanan sendiri
- Polisi dan Garis Panduan Sifar Sampah UTM

Kampus Rendah Karbon untuk mengurangkan jejak karbon sehingga 40% menjelang 2020

Hari Tanpa Kereta/Zon Bebas Kereta

- Polisi Zon Tanpa Kenderaan
- Basikal Elektrik/Skuter Elektrik/ Berjalan Kaki

INISIATIF UTM UNTUK SDG
Sustainable Development Goals

LAMPIRAN 22 (SAMB.)
BERITA HARIAN (VARSITI): MUKA SURAT 2
TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



Pelajar membina tukun tiruan menggunakan kaca untuk tujuan pelestarian air laut di Pulau Tioman



Pemasangan lampu jalan menggunakan Teknologi PV Solar Bersama Sistem Pemantauan IoT.

SIDANG REDAKSI
Pengarang Kumpulan BH: Khaidir A. Wajid
Pengarang Eksekutif Kanan: Saidon Miris
Pengarang Eksekutif Komersial dan E-hwal Semasa: Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman
Pengarang Eksekutif Berita dan Digital: M Thillinadan
Pengarang Eksekutif Pengeluaran: Azhar A. Samah
Pengarang Kandungan BM Vertikal Pendidikan: Ridwan Yop
Pencalon Pengarang Berita Pendidikan: Mohd Zin Mohd Ali
Penyunting: Ili Ruzana Razali
Wartawan: Nor Azma Laila, Nas Norviera Nasibah, Mohd Khairul Anam Md Khairudin
Artis Eksekutif: Mohd Hakim Ismail, Mohd Zainudin Ismail
Ilustrator: Khairul Anuar Md Nor (Yon)
E-mel: bhvarsiti@bh.com.my
Pengkalan: Tel: 1300226787
Benta Haran / Vertikal Pendidikan: Tel: 1300226787 samb 5108, Faks: 03-2055 7081
LANGKAPAN: Jabatan Pengedaran dan Jualan Akhbar NSTP 31, Jalan Rieng, 59100 Kuala Lumpur
E-mel: education@NSD@mediaprima.com.my, Samb: 7755
E-mel atau surat ke alamat: bhvarsiti@bh.com.my atau ke alamat: 31, Jalan Rieng, 59100, Kuala Lumpur
www.bhpendidikan.com.my
bhpendidikan
bhpendidikan

Tingkat kerjasama strategik, sokong SDG

UTM giat menggerakkan inisiatif kampus hijau, manfaat penggunaan daya sumber

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin khairul.anam@bh.com.my

Johor Bahru: Menepati status sebagai institusi pengajian tinggi tersohor negara terutama dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan, akses terhadap pendidikan berkualiti di UTM diperluaskan melalui pendidikan fleksibel, jarak jauh serta berterusan sepanjang hayat kepada mahasiswa di dalam mahupun luar negara.

Sejajar mendokong matlamat Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) keempat, UTM juga melaksanakan pemerksaan amalan pendidikan universiti untuk membangunkan potensi keinsanan, penyelidikan universiti untuk kemanusiaan dan perkhidmatan untuk kesejahteraan sejagat.

Bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian proses pembelajaran dan pengajaran, UTM turut menyediakan rangka kerja Model Inovasi Pembelajaran Akademia Baru (NALI) bertujuan menjadikan pengajaran serta pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan komuniti serta industri.

Di samping itu, menerusi

matlamat SDG ke-11 dan ke-12, UTM mempunyai jabatan yang ditugaskan dalam merencana agenda untuk kelestarian antaranya Unit Kelestarian Kampus UTM (UTMCS) dan Research Institute for Sustainable Environment (RISE).

Pengarah Unit Kelestarian Kampus UTM, Prof Madya Ir Dr Mohd Fadhil Md Din berkata, UTM CS banyak membina jaringan kolaborasi di serata negara dan dunia melalui perkongsian pintar serta membina kepercayaan dalam program kerjasama dalam menyokong elemen SDG.

"Sehubungan itu, legasi yang akan mewarisi elemen kelestarian di universiti ini akan bergerak seiring dengan perkembangan semasa dan seterusnya mencetuskan limpahan keberkatan pelaksanaan kelestarian kepada semua.

"Ini adalah gagasan utama dan dalam menjayakan misi ini, RISE berperanan untuk membantu melaksanakan inisiatif tambahan luar kampus, menerusi pengwujudkan UTM-SDSN (UTM - Sustainable Development for Solution Network)," katanya kepada BH Varsity.

RISE ialah gabungan lima Pusat Kecemerlangan (CoE) di UTM iaitu Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air (IPASA), Institut Sains dan Teknologi Geo Spatial (INSTEK), Pusat Kejuruteraan Sistem Proses (PROS-PECT), Pusat Perancangan dan Pembangunan Inovatif (CIPD) serta Institut Kejuruteraan Pantai and Lepas Pantai (COEL).

Sementara itu, pakar solar yang juga Pengarah (Elektrik Kuasa), Fakulti Kejuruteraan UTM, Dr Jasrul Jamani Jamian berkata, kepakaran yang dimiliki



Dr Mohd Fadhil Md Din



Dr Jasrul Jamani Jamian

ki dikongsi bagi membantu masyarakat khususnya dalam menjayakan hasrat SDG.

Bellau berkata, tenaga solar dihasilkan daripada radiasi cahaya matahari iaitu sumber tenaga yang amat kuat, malah sumber tenaga itu boleh dimanfaatkan dengan pemasangan panel solar.

Oleh yang demikian, jelasnya, selagi matahari wujud di dunia ini, solar PV akan mampu untuk menjana tenaga.

"Jika dibandingkan dengan gas asli, minyak dan arang batu, ia akan habis suatu masa nanti dan keberlangsungan tenaga berpotensi tergugat, justeru pihak pembuat dasar negara

perlu melihat secara keseluruhan, bagaimana solar ini dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada bahan lain dengan kos lebih rendah.

"Ini sekali gus membolehkan masyarakat menikmati tenaga elektrik yang bersih dan mampu untuk jangka masa panjang, bahkan lebih penting dapat membantu universiti mencapai hasrat SDG ke-12 iaitu Keberterangan jawapan Pengeluaran serta Penggunaan," katanya.

Berkongsi pandangannya, Dr Jasrul menjelaskan, kos solar adalah jauh lebih murah berbanding kos yang perlu ditanggung untuk menghasilkan tenaga elektrik (Cost of Electricity, CoE) di kawasan pedalaman, seterusnya mampu membantu mencapai matlamat ketiga SDG iaitu Memastikan Bekalan Tenaga Yang Moden Dan Mampu Milik Dapat Dinikmati Oleh Semua.

"Saya yakin pada masa hadapan, apabila kos untuk solar rendah dengan kecekapan yang tinggi, solar PV akan menjadi rebutan ramai pihak dalam memastikan mereka mendapat bekalan elektrik yang bersih dan berterusan.

"Universiti sedang dan akan terus menggerakkan inisiatif kampus hijau dan menyokong pelbagai inisiatif kelestarian tempatan serta mengukuhkan kerjasama melalui jaringan antarabangsa untuk menzahirkan ekosistem universiti menerusi penggunaan daya sumber secara optimum," katanya.

UTM juga giat meneroka beberapa inisiatif potensi SDG yang menggariskan kesemua elemen Kampus Rendah Karbon, Kampus Sifar Sampah dan Kampus Pengurusan Sampah Efektif.



LAMPIRAN 23
SINAR HARIAN (GLOBAL): MUKA SURAT 47
TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

Misi terakhir Hayabusa2

TOKYO - Kapal angkasa Jepun, Hayabusa2 akan melakukan pendaratan terakhir pada asteroid Ryugu untuk mendapatkan sampel yang dapat memberi gambaran tentang evolusi sistem suria.

Agensi Eksplorasi Aeroangkasa Jepun (JAXA) berkata, Hayabusa2 dijangka mendarat buat kali kedua hari ini di bawah misi penyelidikan kompleks itu yang turut menghantar kenderaan perayau dan robot pada permukaannya.

Misi tersebut diharap dapat mengumpulkan bahan asli daripada asteroid Ryugu yang dapat memberi penjelasan tentang kewujudan sistem suria kira-kira 4.6 bilion lalu.

April lalu, alat letupan dilancarkan dari Hayabusa2 pada Ryugu bagi menghasilkan kawah pada permukaan asteroid itu untuk mendapatkan sampel bahan yang tidak pernah terdedah kepada atmosfera. - Agensi



LAMPIRAN 24
HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 31
TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)


Jutawan mahu tunda bongkah ais ke negara Arab

Abu Dhabi: Seorang usahawan dan pencipta warga Emiriah Arab Bersatu (UAE) merancang untuk menunda bongkah ais di Antartika ke Teluk Arab semata-mata mahu menyediakan air bersih di negara teluk itu. Odditycentral melaporkan, negara Arab tidak mempunyai banyak sumber air disebabkan iklimnya panas dan gersang, sekali gus bergantung kepada air laut melalui proses nyahgaram yang bukan saja mahal malah berbahaya kepada alam sekitar.

Selama enam tahun, Abdulla Alshehi merancang mengangkut bongkah ais sepanjang dua kilometer dari Antartika ke Teluk Arab sejauh 8,851 kilometer, menggunakan teknologi moden.

"Bongkah ais berkenaan akan diambil dari Pulau Heard berhampiran Kutub Selatan dan ditunda sejauh ribuan kilometer menggunakan tali pinggang logam yang direka agar ia tidak jatuh berkecai sepanjang perjalanan.

"Namun, dijangkakan 30 peratus daripada jisim ais



SATU bongkah ais gergasi di Antartika. - Agensi

akan hilang dalam tempoh 10 bulan perjalanan ke Teluk Arab dan tiba pada musim

sejuk," kata Alshehi kepada Euronews.

ia adalah satu cabaran be-

sar untuk mengelakkan ais dari mencair dengan cepat, tetapi menurutnya ia mampu diatasi.

"Proses penuaian bongkah ais sedalam 300 meter dari aras laut itu akan dilakukan serta-merta dan mengambil masa antara dua hingga tiga bulan," katanya.

Selain menyediakan air bersih untuk jutaan orang di UAE sehingga lima tahun, kawasan bongkah ais dijangka memberi manfaat besar kepada aktiviti pertanian dan meningkatkan ekonomi pelancongan kerana ramai yang

mahu melihat bongkah ais.

"Kehadiran bongkah ais boleh menyebabkan perubahan pola cuaca kerana berupaya menarik awan dari laut Arab ke pusatnya, sekali gus memberikan lebih banyak hujan di rantau ini."

Satu percubaan akan buat pada tahun ini dengan menarik bongkah ais kecil untuk jarak yang lebih pendek menggunakan kapal tunda. Sekiranya ia berfungsi dengan baik, persiapan akan dibuat untuk membawa bongkas ais besar ke pantai Fujairah UAE. - Agensi

LAMPIRAN 25
 HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 32
 TARIKH: 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

32 global

>>Elena ditemui tertiarap di dapur dengan besi penyedut minuman tercacak di matanya

HARIAN METRO

Tembus sampai otak

■ Wanita maut penyedut minuman besi tertusuk mata ketika jatuh



CONTOH penyedut minuman besi. - Agensi

Agensi London

Seorang wanita dilaporkan meninggal dunia apabila penyedut minuman besi yang digunakannya menusuk mata kirinya terus ke otak selepas mangsa terjatuh ketika minum air.

Akhbar Daily Echo kelmarin melaporkan, Elena Struthers-gardner, 60, membara gelas berbentuk tembikar dengan penyedut besi tahan karat sepanjang 25 sentimeter di tengah penutup sebelum dia terjatuh di rumahnya di Broadstone.

Elena ditemui pasangannya, Mandy dalam keadaan tertiarap di dapur dengan besi penyedut minuman itu tercacak di matanya.

Mandy segera membawa Elena ke hospital, tetapi wanita itu dilaporkan meninggal dunia keesokan harinya akibat kecederaan otak.

"Saya nampak penyedut minuman tertusuk ke dalam kepala."

"Saya menghubungi talian kecemasan dan meminta bantuan ambulans."

"Saya mengalihkan Elena dan melihat penyedut itu menembusi mata kirinya," kata Mandy ketika inkuis kematian wanita itu.

Bercakap selepas inkuis berkenaan, Mandy berkata, dia sangat merindui Elena dan berharap kejadian seperti itu tidak menimpa orang lain.

Kematian tragik Elena itu menyebabkan koroner, Brendan Allen memberi amaran mengenai bahaya penyedut minuman besi dan berhati-hati ketika menggunakannya.

Elena ialah bekas joki lumba kuda yang mengalami kesukaran pergerakan selepas kemalangan menunggang kuda ketika berusia 21 tahun.



ELENA

FAKTA

Elena ialah bekas joki lumba kuda yang mengalami kesukaran pergerakan selepas kemalangan